

Headline	Jual tambah nilai judi dalam talian		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Jul 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	27
ArticleSize	353 cm ²	Journalist	Rubiah Omar
PR Value	RM 22,452		



Jual tambah nilai judi dalam talian

Kegiatan sebuah kedai yang berselindung di sebalik jualan barang runcit dan roti terbongkar

Oleh RUBIAH OMAR

KEMAMAN

Berselindung di sebalik jualan barang runcit dan roti, kegiatan penjualan tambah nilai judi dalam talian di sebuah kedai di Kampung Che Wan Kijal di sini terbongkar selepas rumah kedai itu diserbu Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan berkata, berikutan itu pemilik kedai, seorang wanita Iban berusia 43 tahun dan seorang lelaki berusia 28 tahun

disyaki pelanggan untuk membeli tambah nilai judi dalam talian ditahan.

Menurutnya, turut dirampas tiga telefon bimbit pelbagai jenama bersama wang tunai berjumlah RM55 di premis berkenaan.

“Serbuan kira-kira jam 3.45 petang itu bertindak atas aduan awam. Siasatan awal mendapati suspek mula menasarkankan kawasan di Felde di daerah ini untuk aktiviti jualan tambah nilai judi dalam talian.

“Seterusnya, suspek menumpukan aktiviti jualan di rumahnya yang dijadikan kedai runcit dan menasarkankan penduduk setempat serta penduduk di perumahan berhampiran.

“Bagi mengelak dikesan pihak berkuasa, dia menjalankan perniagaan menjual barang runcit dan pelbagai jenis roti yang dikenali sebagai kedai ‘Mek roti’ dalam kalangan penduduk setempat,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*



Kakitangan TNB Cawangan Kemaman sedang melakukan kerja-kerja pemotongan bekalan elektrik di rumah suspek yang dijadikan kedai runcit.

di sini semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 4A (a)/ 4B (a) Akta Rumah Judi Terbuka (ARJT) 1953.

Jelas Hanyan, pihaknya juga dimaklumkan Tenaga Nasional

Berhad (TNB) cawangan Kemaman sudah menjalankan operasi pemotongan bekalan elektrik di rumah berkenaan mengikut Seksyen 21 A (1) ARJT 1953, jam 12 tengah hari Rabu lalu.

Beliau juga menasihatkan orang ramai terutama ibu bapa supaya sentiasa mengawasi pergerakan anak masing-masing supaya tidak terjebak dalam kegiatan judi dalam talian atau jenayah lain.